

0662

U B151 AAB  
MAHATHIR - MAJECA

I

**SUBANG, 21 JUN (BERNAMA) -- KEUTUHAN EKONOMI TIDAK HARUS DIGUNAKAN UNTUK MENYEKAT KEMAJUAN MEREKA YANG LEMAH ATAUPUN DIADAKAN BATASAN MENURUT KEHENDAK SENDIRI YANG BERTUJUAN MENGONGKONG PERTUMBUHAN SESEBUAH NEGARA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.**

**PERDANA MENTERI BERKATA, NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN HENDAKLAH DIBERIKAN PELUANG MEMBANGUN DAN JUGA DIBANTU AGAR MEREKA JUGA DAPAT MENJADI SEBUAH NEGARA YANG MAJU.**

**+KAMI MENERIMA HAKIKAT BAHAWA DALAM BEBERAPA KEADAAN PERLINDUNGAN MEMANG BOLEH DITERIMA. BAGAIMANAPUN PERLINDUNGAN HENDAKLAH DIBERIKAN KEPADA YANG LEMAH DAN BUKAN KEPADA NEGARA YANG EKONOMI MEREKA SEDIA KUKUH, + KATANYA KETIKA MENYAMPAIKAN UCAPAN TANJIANNYA KEPADA PERSIDANGAN TAHUNAN BERSAMA KE-13 PERSATUAN EKONOMI MALAYSIA-JEPUN (MAJECA) DAN PERSATUAN EKONOMI JEPUN-MALAYSIA (JAMECA) DI SINI.**

**UCAPAN PERDANA MENTERI ITU TELAH DIBACAKAN OLEH NAIB PRESIDEN MAJECA, TAN SRI AZMAN HASHIM.**

**DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, MALAYSIA MEMANDANG JEPUN SEBAGAI NEGARA MAJU YANG AKAN BERCAKAP BAGI PIHAKNYA BERSABIT KEHENDAK NEGARA-NEGARA ANGGOTA G-15 UNTUK MENGADAKAN DIALOG FORMAL DENGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA G-7 KHUSUSNYA MENGENAI MASALAH HUTANG NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA. -- LAGI.**

1522MST 21 06 90

D663

U B154 AAB  
MAHATHIR - MAJECA 2 SUBANG

**MALAYSIA BERHARAP JEPUN AKAN BERTINDAK SECARA POSITIF DALAM MEMASTIKAN BAHAWA SISTEM PERDAGANGAN PELBAGAI HALA YANG ADA IALAH UNTUK FEADAH BERSAMA MASYARAKAT PERDAGANGAN ANTARABANGSA, TAMBAHNYA.**

**SAMBIL MEMERHATIKAN BAHAWA JEPUN SEDANG GIAT MENGEMBANGKAN EKONOMINYA DI SELURUH DUNIA YANG PASTI MENDATANGKAN KESAN KEPADA KEUTAMAANNYA DARIPADA SEGI MEMPERUNTUKAN SUMBER-SUMBER MODAL PERSENDIRIANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN BAHAWA MALAYSIA AKAN TERUS MENARIK PELABURAN PERSENDIRIAN JEPUN KHUSUSNYA INDUSTRI-INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA.**

**+SAYA INGIN MENYAKINKAN PARA PELABUR ASING KITA SAMA ADA MEREKA DATANG DARI JEPUN, TAIWAN, KESATUAN EROPAH ATAUPUN AMERIKA SYARIKAT BAHAWA MALAYSIA AKAN TERUS MENJADI SEBUAH NEGARA TUAN RUMAH YANG BAIK BAGI PELABURAN MEREKA, + TEGAS BELIAU.**

**MENGENAI DASAR EKONOMI SELEPAS 1990, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA MALAYSIA AKAN PASTI MENERUSKAN DASAR-DASARNYA YANG LIBERAL, MEMUDAHKAN PERATURAN, PENSWASTAAN SERTA TERUS MENGUKUHKAN PERSAINGAN, PRODUKTIVITI DAN KEBERKESNAAN USAHA UNTUK MEMODEN DAN MENJADI SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN.**

**PERDANA MENTERI JEPUN, ENCIK TOSHIKI KAIFU, DALAM UCAPAN TANJIANNYA PULA BERKATA, HUBUNGAN JEPUN DAN MALAYSIA KINI SEMAKIN BERTAMBAH BAIK MELALUI BUKAN SAHAJA PERTUKARAN TERUS PERINGKAT KERAJAAN TETAPI JUGA DALAM BIDANG EKONOMI, AKADEMIK DAN KEBUDAYAAN. -- LAGI.**

1525MST 21 06 90

**MAHATHIR - MAJECA 3 SUBANG**

**ENCIK KAIFU BERKATA, PELABURAN JEPUN DI MALAYSIA BAGI 1987 MENINGKAT EMPAT KALI GANDA BERBANDING DENGAN TAHUN SEBELUMNYA DAN SEJAK ITU IA MASIH MENINGKAT KE SATU TAHAP YANG LEBIH TINGGI.**

**BELIAU MENAMBAH KATA, INI MENCERMINKAN KESEDIAAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH DI KALANGAN SYARIKAT-SYARIKAT JEPUN UNTUK MENJALANKAN KEGIATAN PERNIAGAAN DI SEBERANG LAUT DAN MENUNJUKKAN TANDA-TANDA POSITIF BAHAWA MALAYSIA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA YANG SUASANA PELABURANNYA ADALAH BAIK.**

**BELIAU MEMUJI PERANAN YANG DILAKSANAKAN OLEH MAJECA DAN JAMECA DALAM MENGUKUHKAN HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DAN DALAM MENGGALAKKAN PERSEFAHAMAN BERSAMA ANTARA JEPUN DAN MALAYSIA MELALUI PERBINCANGAN BEBAS PADA PERINGKAT PERSENDIRIAN. -- BERNAMA.**

1526MST 21 06 90